

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : PUAN HAJAH NORMALA BINTI ABDUL
SAMAD [PASIR GUDANG]**

**PUAN HAJAH NORMALA BINTI ABDUL SAMAD [PASIR
GUDANG]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI,
KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan menyatakan
langkah kawalan yang digunakan bagi membanteras isu
penyelewengan nilai timbangan barang oleh peniaga-peniaga pasar
terutama barangan basah.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian sentiasa berusaha dan memberi perhatian serius
dalam membendung isu penyelewengan nilai timbangan barang oleh
peniaga-peniaga yang dikenal pasti menggunakan alat timbang atau
sukat yang tidak tepat atau palsu yang mana pelanggarannya
menjadi satu kesalahan yang boleh diambil tindakan di bawah Akta
Timbang dan Sukat 1972 (ATS 1972).

2. Langkah-langkah yang telah dan sedang diambil oleh Kementerian ini dalam mengawal penyelewengan timbangan di pasar-pasar adalah seperti berikut:-

- (i) Kementerian telah mengadakan Kaunter Khidmat Pengguna di pasar-pasar utama di seluruh negara sebagai satu kemudahan kepada pengguna untuk membuat timbangan semula ke atas barangan yang telah dibeli sekaligus dapat memberi kemudahan kepada pengguna untuk membuat aduan sekiranya terdapat peniaga yang menggunakan alat timbang yang tidak seimbang atau tidak tepat.
- (ii) Penggunaan alat timbang dua muka sebagaimana yang dinyatakan dalam peruntukan undang-undang juga dapat memastikan perniagaan yang lebih telus kerana pengguna dapat melihat sendiri nilai timbangan terhadap barangan yang dibeli.
- (iii) Penguatkuasa juga telah mengadakan lawatan secara berkala dan lawatan secara mengejut untuk membuat pemeriksaan ke atas alat timbang yang digunakan oleh peniaga-peniaga bagi memastikan setiap alat timbang yang digunakan bagi tujuan perdagangan telah ditentukan dan masih belum tamat tempoh penentusahannya.

- (iv) Selain daripada itu, Kementerian juga telah mendapat kerjasama daripada pihak berkuasa di kompleks perniagaan dan pasar-pasar basah dalam memastikan pematuhan undang-undang di kalangan peniaga.
- (v) Di samping itu juga, sekiranya terdapat mana-mana orang atau peniaga yang telah bersengaja melebihkan atau mengurangkan sesuatu timbang atau sukat, apabila disabitkan mereka boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi empat tahun atau kedua-duanya.

3. Kementerian sentiasa mengalu-alukan kerjasama orang ramai untuk melaporkan sebarang kegiatan penyelewengan timbangan yang dilakukan oleh peniaga supaya tindakan segera dapat diambil terhadap pihak-pihak terbabit.